

Pengeluaran daging tempatan hanya 25 peratus

UTUSAN MALAYSIA 13/9/2017 P.17

KUALA LUMPUR 12

Sept. - Pengeluaran daging lembu tempatan hanya sebanyak 25 peratus berbanding permintaan keseluruhan dalam negara yang terpaksa bergantung kepada bekalan daging import.



ZULKIFLI IDRUS

Pengarah Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Zulkifli Idrus berkata, industri ternakan lembu tempatan perlu dipertingkatkan bagi membolehkan ia memenuhi permintaan dalam negara dan mengurangkan jurang import tersebut.

Menurutnya, dengan hanya

mampu menghasilkan 25 hingga 28 peratus penge- luaran daging tempatan, negara perlu memenuhi permintaan bekalan dengan mendapatkannya dari negara luar terutama Australia dan India.

"Namun daging yang diimport dari India adalah daripada jenis daging kerbau yang kurang berkualiti jika dibandingkan dengan daging lembu tempatan walaupun harga-nya jauh lebih rendah.

"Selesa dengan harga rendah itu juga antara faktor mengapa negara masih lagi terus mengim- port daging dari luar walhal kita mampu meningkatkan pengeluaran daging lembu tempatan," ka-

tanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Awang Selamat menerusi tulisannya dalam *Mingguan Malay-sia* sebelum ini membangkitkan kewujudan kartel pengimportan daging sekali gus menyebabkan industri itu dimonopoli oleh golo-nigan tertentu.

Mengulas lanjut kata Zulkifli, negara tidak boleh berterusan bergantung kepada daging im-port dan harus mempunyai pelan untuk mengeluarkan makanan sendiri.

Justeru katanya, pihak swasta perlu memainkan peranan menceburii bidang ternakan bagi membolehkan transformasi in-dustri itu dapat dipertingkatkan kerana memberi pulangan yang lumayan kepada pengusaha.